

# Dasar BN ikut Islam

B.H 27 JUL 1993

KOTA BHARU, Isnin — Dasar pemerintahan Kerajaan Barisan Nasional (BN) yang memberikan keadilan kepada semua pihak, termasuk bukan Islam, adalah selaras dengan kehendak Islam, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Berucap di majlis perhimpunan BN di Dewan Perniagaan Cina Kelantan, di sini, petang ini, Perdana Menteri berkata:

"BN mempunyai dasar pemerintahan yang tepat, dan tidak ragu-ragu, pemerintahannya adalah secocok dengan negara ini yang mempunyai rakyat pelbagai kaum dan agama... malah apa yang kita lakukan tidak bertentangan dengan Islam."

Malaysia, katanya, akan membuktikan kepada dunia pemerintahan Islam adalah adil supaya lebih banyak negara lain menerima pemerintahan yang diterajui oleh umat Islam.

Sebaliknya, kata beliau, usaha

menunjukkan imej pemerintahan Islam secara melampau, tidak adil, menekan dan menindas pihak lain, sebenarnya memburukkan imej Islam dan agama Islam sendiri.

"Oleh itu, tidak perlu golongan ini dibenarkan memerintah walaupun hanya sekejap," katanya.

Semua pemimpin parti komponen BN, termasuk MCA, MIC dan Gerakan adalah antara lebih 1,000 orang yang hadir di majlis itu.

Turut sama ialah Menteri Belia dan Sukan, Senator Datuk Annuar Musa; Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Raja Datuk Ariffin Raja Sulaiman; bekas Menteri Besar Kelantan, Tan Sri Mohamed Yaacob dan Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Senator Mustapa Mohamad.

Dr Mahathir juga menasihati

**LIHAT MUKA 2**

# Dasar BN ikut Islam

**DARI MUKA 1**

kan pihak tertentu, termasuk pemimpin Pas, supaya menumpukan tugas masing-masing sesuai dengan kebolehan yang ada pada mereka.

Katanya, setiap orang mempunyai kebolehan dan kepakaran dalam bidang tertentu, sama ada di bidang agama dan pemerintahan.

Perdana Menteri berkata, tidak semestinya ulama tahu perkara-perkara yang berkaitan dengan pemerintahan dan begitu juga orang yang tahu mengenai pemerintahan tidak semestinya berkebolehan dalam bidang agama.

"Ulama tidak semestinya tahu hal pemerintahan. Saya ingat, mereka yang tahu hal-hal agama, teruskan usaha mengajar agama.

"Kita tahu orang yang bukan ahli dalam sesuatu bidang itu akan binasa, jika mereka menceburkan diri dalam bidang berkenaan. Islam sendiri tidak menggalakkan umatnya berbuat demikian," katanya.

Dr Mahathir hairan kerana Pas masih tidak mengaku kelemahan mereka, sehingga menjadikan negeri ini semakin mundur, manakala janji-janji yang mereka buat masih belum dilaksanakan.

"Setiap seorang ada kelayakannya. Orang yang berpegang kepada agama mesti mengakui kelemahan kerana kita sebagai manusia biasa," katanya.